

# **LAMPIRAN I**

## **GARIS PANDUAN ANUGERAH ESEI KUALITI PERINGKAT LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

---

### **TUJUAN GARIS PANDUAN**

Dokumen ini merupakan Garis Panduan kepada semua kepada semua kakitangan untuk menyertai program Pertandingan Menulis Esei Kualiti LKIM.

### **PENGENALAN**

#### **1. LATAR BELAKANG ESEI KUALITI**

Pertandingan Esei Kualiti LKIM mula diperkenalkan pada tahun 1991. Penyampaian pemenang anugerah ini akan diadakan di Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti LKIM yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kualiti dan Produktiviti LKIM.

#### **2. TUJUAN ANUGERAH ESEI KUALITI LKIM**

Esei ini diwujudkan dengan tujuan: -

- a) Menggalakkan lebih ramai kakitangan LKIM menyumbang idea-idea yang baik dalam meningkatkan hasil kerja dan produktiviti di LKIM.
- b) Membantu dalam pembentukan minda yang kreatif dan inovatif di kalangan pegawai dan kakitangan LKIM.
- c) Mencungkil dan mengasah bakat penulisan di kalangan pegawai dan kakitangan LKIM
- d) Memberi pengiktirafan kepada individu yang telah berjaya menghasilkan Esei Kualiti LKIM yang baik.

#### **3. ANUGERAH ESEI KUALITI LKIM**

Pihak Pengurusan LKIM telah memutuskan untuk memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang berjaya dalam penulisan Esei Kualiti LKIM sebanyak 3 penerima anugerah Kategori Pengiktirafan tersebut adalah seperti berikut: -

<b>BENTUK ANUGERAH</b>	<b>ANUGERAH</b>
a) Johan	RM1,000.00, plak, sijil penyertaan
b) Naib Johan	RM700.00 plak, sijil penyertaan
c) Ketiga	RM500.00 plak, sijil penyertaan
d) Saguhati	RM100.00 sijil penyertaan

Esei-esei yang berjaya akan dimuatkan dalam Majalah Cemerlang LKIM.

4. **TEMA ESEI**

1. **PENINGKATAN SISTEM PENYAMPAIAN DI LKIM**
2. **SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA**
3. **INTEGRITI ASAS KECEMERLANGAN**

5. **TATACARA PENYERTAAN**

i) **Syarat-syarat Penyertaan**

Esei yang dikemukakan akan disemak oleh pihak Jawatankuasa Anugerah Esei Kualiti Peringkat LKIM dan **hanya yang layak sahaja akan dipertandingkan** bagi anugerah ini. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:-

- a) Terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan LKIM
- b) Peserta bebas menulis tentang sesuatu tajuk tetapi hendaklah berkaitan dengan tema yang ditetapkan
- c) Esei hendaklah ditulis dalam ejaan baru
- d) Setiap individu boleh menghantar lebih dari satu esei. Esei yang ditulis mestilah hasil usaha sendiri dan bukannya ditiru (ciplak)
- e) Esei ditulis dalam Bahasa Malaysia menggunakan perisian Microsoft Word (Times New Roman) tulis bersaiz 12 baris berselang 1.5.
- f) **Esei perlu dihantar dalam 5 bentuk iaitu 4 salinan bercetak dan 1 salinan 'disket/CD'**. Setiap peserta juga dikehendaki mengemukakan sekeping gambar bersaiz passport kepada urusetia.
- g) Esei yang ditulis hendaklah dalam lingkungan **800-1300 patah perkataan**.
- h) Esei hendaklah sampai kepada Urusetia sebelum **31 Ogos 2008**.
- i) Mana-mana esei yang pernah dipertandingkan dalam Pertandingan Menulis Esei Kualiti Peringkat LKIM tidak layak dipertandingkan lagi.
- j) Keputusan panel hakim adalah muktamad.
- k) Jika perlu, syarat-syarat tambahan atau perubahan boleh diputuskan oleh jawatankuasa yang dilantik.

ii) **Pengesahan Esei**

Semua esei yang dihantar perlulah disemak oleh jawatankuasa yang dilantik terlebih dahulu. Sekiranya esei-esei tersebut telah memenuhi syarat yang ditetapkan maka ia boleh diserahkan kepada Panel Hakim untuk dibuat Penilaian markah.

6. **KRITERIA-KRITERIA PENGHAKIMAN/PEMARKAHAN**

Kriteria-kriteria pemarkahan yang akan digunakan dalam penilaian esei tersebut adalah seperti berikut: -

<b>BIL</b>	<b>KRITERIA</b>	<b>MARKAH PENILAIAN</b>
1.	Isi dan Olahan	20%
2.	Analisa Masalah/Fakta	30%
3.	Gaya Berbahasa	20%
4.	Cadangan Idea	25%
5.	Ketepatan Ejaan	5%
	<b>Jumlah:</b>	<b>100%</b>

Jawatankuasa yang dilantik boleh juga memutuskan untuk membuat sebarang perubahan yang difikirkan perlu terhadap kriteria di atas.

9. **KEPUTUSAN ANUGERAH**

Keputusan Anugerah Esei dibuat dan dinilai oleh Panel Penilai Anugerah Esei adalah muktamad dan ini akan diumumkan di Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti dan Produktiviti LKIM yang akan diputuskan jawatankuasa Kualiti dan Produktiviti LKIM.

10. **AHLI JAWATANKUASA PERTANDINGAN ESEI LKIM**

**Pengerusi** : **En. Ismail Abbas**

**Ahli** : **Cik Rashima binti Baharuddin**  
**En. Mohd Kharais Jamaludin**  
**Tuan Haji Kamal Azmi bin Abd Samad**  
**Puan Aisyah Maamor**  
**Puan Noraidar Ujang**  
**Puan Norlizah binti Mohd Said**

**Urusetia** : **En. Mohd Sukri bin Awang**

11. **CARA DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Borang permohonan ini hendaklah dikemukakan kepada urusetia pada atau sebelum **31 Ogos 2008** di alamat seperti berikut:

Urusetia  
Jawatankuasa Pidato Dan Esei Kualiti LKIM Tahun 2007  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia  
**KUALA LUMPUR**  
(u.p. **Puan Noraidar binti Ujang**  
Seskyen Peperiksaan Dan Kompetensi)